



Tinjauan Pengetahuan, Faktor Dan Kesan Pelaksanaan Set Induksi Dalam Kalangan Mahasiswa Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Sherly, Sandy¹., Norfaizah, Abdul Jobar^{2*}., Nur Farahkhanna, Mohd Rusli³ & Nur Faaizah, Md Adam⁴

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 35900, PERAK

*Corresponding author email: norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

Received 30 March 2021; Accepted 30 Jun 2021; Available online 30 Jun 2021

ABSTRAK: Penulisan ini meninjau pengetahuan mahasiswa terhadap pemilihan set induksi dalam pengajaran Bahasa Melayu dan faktor pemilihan set induksi yang kreatif. Selain itu, kajian ini juga meninjau kesan pelaksanaan set induksi kreatif oleh mahasiswa semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Seramai 110 mahasiswa program Bahasa Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dijadikan sampel dalam kajian ini. Reka bentuk kajian berbentuk gabungan iaitu kualitatif dan kuantitatif. Proses kajian dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik dan analisis video pengajaran. Hasil kajian mendapati mahasiswa mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi tentang pelaksanaan set induksi dalam pengajaran. Bukan itu sahaja, mahasiswa turut menitikberatkan beberapa faktor sebelum melaksanakan set induksi iaitu dimulakan dengan faktor fleksibiliti, keunikan, kewajaran, kesesuaian dan faktor paling kurang diambil kira adalah faktor keaslian. Penjelasan tentang huraian faktor ini ada dinyatakan pada bahagian hasil kajian. Akhir sekali, mahasiswa turut menyatakan kesan yang positif terhadap pelaksanaan set induksi dalam sesi pengajaran mereka. Penulisan ini dapat meninjau pengetahuan dan kefahaman mahasiswa sebagai bakal guru tentang set induksi serta memperlihatkan kesinambungan respon murid dan guru terhadap set induksi yang kreatif.

Kata kunci: set induksi, pengajaran, bahasa Melayu

1. Pengenalan

Setiap pemilihan aktiviti pembelajaran biasanya ditentukan oleh beberapa faktor yang diambil kira oleh seorang guru sebelum mengajar. Pada umumnya, aktiviti yang menarik dilaksanakan sama ada pada fasa awal atau pertengahan pengajaran. Manakala pada fasa akhir pengajaran pula, guru memilih aktiviti yang lebih ringkas untuk mengisi aktiviti pernyataan refleksi murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, aktiviti tersebut secara umumnya hanya dilaksanakan pada pertengahan fasa pengajaran dan melalui aktiviti ini guru dapat melihat keterlibatan murid secara aktif semasa mengikuti aktiviti dijalankan. Merujuk kepada perkara ini, aktiviti yang melibatkan pergerakan fizikal dan mental seperti mengikuti kelas Pendidikan Jasmani sebenarnya mampu menjana keterlibatan murid secara aktif dalam pembelajaran (Kilue & Ariffin, 2017). Akan tetapi, perkara hanya berlaku pada fasa pertengahan pengajaran dan bagaimana pula dengan fasa awal pengajaran guru? Berdasarkan kepada persoalan ini, kajian ini memfokuskan tinjauan pelaksanaan aktiviti pada fasa awal pengajaran atau lebih dikenali sebagai set induksi.

Pemilihan set induksi yang sesuai mampu menjentik diri murid untuk bergiat aktif dalam pembelajaran baharu (Ishak et al., 2012) di samping membantu murid mendapatkan gambaran awal mengenai perkara yang akan diajar pada sesi tersebut. Bukan itu sahaja, malahan perkara yang lebih menarik mengenai pelaksanaan set induksi ini ialah murid mempunyai tanggapan yang positif terhadap guru tersebut kerana seorang guru yang berkebolehan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok lebih disukai oleh murid-murid. Sebagai contoh, dalam pengajaran hari ini, guru membawa sebakul buah-buahan tempatan memasuki kelas. Apabila murid melihat bakul berisi buah-buahan tersebut, mereka akan bertanya pelbagai soalan seperti “Cikgu, kenapa bawa buah-buahan?”, “Wah! Cikgu nak bagi kami buah-buahan?” “Cikgu, ada apa dengan buah-buahan tu?”, “Cikgu, kenapa?”, “Wah ! Apa tu cikgu?” dan pelbagai lagi jenis soalan- soalan yang akan ditanya oleh murid tanpa dipinta oleh guru. Persoalan yang diajukan ini menunjukkan adanya

sikap ingin tahu dalam diri murid tersebut (Mardhiyana & Sejati, 2016) sehinggakan dia berusaha untuk mengeksplorasi situasi yang berlaku dengan mengajukan soalan kepada gurunya. Memandangkan wujudnya murid-murid dalam kelas yang memang suka bertanya, pasti persoalan-persoalan ini akan ditanya dan guru boleh menggunakan peluang ini untuk menimbulkan pertanyaan bagi mengisi fasa memulakan pengajaran atau fasa set induksi. Apabila perkara ini berlarutan, setiap kali guru membawa sesuatu yang pelik ke dalam kelas, murid-murid seakan-akan tahu bahawa pasti akan ada yang menarik bakal berlaku. Perkara ini dapat dikaitkan dengan teori behaviorisme iaitu hubungan antara rangsangan (guru) dan tindak balas (murid) dalam sesi pengajaran guru dan pembelajaran murid.

Selain itu, antara kajian lain yang menyentuh tentang pengertian set induksi adalah Ishak et al (2012). Para pengkaji ini telah menjelaskan set induksi sebagai kaedah atau cara seseorang guru memulakan pengajaran. Mereka turut menyatakan bahawa induksi merupakan tindakan dan pernyataan guru yang bertujuan menghubungkan pengalaman murid dengan objektif-objektif dalam sesuatu pelajaran. Secara amnya, induksi juga boleh dirujuk sebagai pemanasan minda bagi para guru dan murid sebelum menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Istilah tersebut memberikan gambaran tentang fungsi set induksi sebagai enjin penjana yang mewujudkan aliran aktif dalam minda murid. Dengan demikian, keadaan minda turut memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pembelajaran di samping meningkatkan prestasinya dalam memproses maklumat yang diterima semasa mempelajari sesuatu (Sukri & Purwanti, 2016). Fasa set induksi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu bersifat metakognitif dan mediatif. Kedua-dua jenis ini mendukung kepada pemahaman dan pelaksanaan yang berbeza. Set induksi bersifat metakognitif adalah satu proses memulakan pengajaran dengan memberikan rangsangan minda murid dengan membuat perkaitan antara pengajaran, idea atau pengalaman lampau murid-murid dengan topik yang diajar oleh guru (Atira & Wahid, 2018). Manakala set induksi mediatif pula merujuk kepada penggunaan pelbagai media sebagai bahan bantu mengajar untuk mengaitkan apa yang bakal diajar.

Perkara ini dikaitkan dengan teori behaviorisme iaitu kata dasar *behavior* yang secara amnya membawa maksud kelakuan (Zamzani, 2018). Thorndike menerangkan bahawa proses pembelajaran merupakan proses interaksi yang melibatkan stimulus dan respon atau boleh difahami juga sebagai rangsangan dan gerak balas (Asfar, Asfar & Halamury 2019). Perkaitannya dengan set induksi adalah set induksi merupakan fasa memulakan pengajaran. Sekiranya guru memulakan pengajaran yang berkesan, maka beliau akan menerima respon yang baik daripada murid-murid. Dalam hal teori behaviorisme, pelaksanaan set induksi merupakan stimulus dan maklum balas daripada murid-murid dianggap sebagai respon. Perubahan cara pelaksanaan set induksi akan mempengaruhi respon murid-murid.

Proses pembelajaran yang dimaksudkan adalah peristiwa yang telah melibatkan antara stimulus (S) dan tindak balas (R) (Syawalnudin, 2018). Maka dengan penerangan tersebut, kita boleh fahami bahawa teori ini membincangkan tentang perubahan tingkah laku selepas proses pembelajaran berlaku pada para pelajar. Sesuai dengan teori behaviorisme, rangsangan yang menghiburkan daripada seorang guru bahasa Melayu akan mendorong murid untuk memberikan respon yang baik. Bidang pengajaran yang menghiburkan saling berkaitan dengan keseronokan murid-murid mengikuti pembelajaran di dalam bilik darjah kerana unsur hiburan yang diwujudkan mampu menjadikan proses belajar yang lebih bermakna (Jamian & Ismail, 2016). Rumusnya, keseronokan dalam pembelajaran hanya akan dapat dicapai apabila guru mengadakan pengajaran yang seronok. Guru hendaklah menjalankan pengajarannya dari fasa awal iaitu fasa set induksi sehinggalah ke fasa penutup yang bersesuaian dengan aspek keseronokan dalam pembelajaran. Oleh itu, guru perlu mengenal pasti keperluan yang hendak dilaksanakan atau dalam erti kata lain faktor yang menjadi keutamaan dalam pengajaran berunsurkan keseronokan.

Secara ringkasnya, aktiviti yang dilaksanakan semasa fasa set induksi akan mempengaruhi tingkah laku atau gerak balas murid semasa dan selepas dilaksanakan. Pelaksanaan set induksi yang kreatif dan menarik akan menyebabkan kebarangkalian untuk mendapatkan gerak balas yang positif adalah tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap kekreatifan mahasiswa bakal guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan set induksi yang pernah dilaksanakan oleh mereka semasa menjalani Program Perantis Guru. Kajian ini turut memperlihatkan faktor dan kesan yang terjadi hasil daripada pelaksanaan set induksi tersebut.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk;

- Mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa terhadap pemilihan set induksi dalam pengajaran Bahasa Melayu.
- Mengenal pasti faktor mahasiswa melaksanakan set induksi yang kreatif dalam pengajaran Bahasa Melayu
- Menganalisis kesan pelaksanaan set induksi yang kreatif oleh mahasiswa semasa mengajar Bahasa Melayu.

2. Kajian Literatur

Kajian ini menumpukan kepada perkaitan penerapan teori behaviorisme dalam pengajaran di samping memfokuskan kepada fasa set induksi. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan yang berlaku dalam pengajaran dapat kita kaitkan dengan perubahan tingkah laku sama ada kepada guru ataupun murid. Oleh itu, bahagian kajian literatur ini dibahagikan kepada dua subtopik iaitu kajian kemahiran set induksi semasa mengajar dan kajian teori behaviorisme dalam pengajaran.

2.1 Kajian Kemahiran Set Induksi dalam Pengajaran

Kajian Rosli dan Mohd Noor (2017) telah menjalankan kajian yang bertajuk Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul Ulum Ihy Ulumuddin Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar ada menyatakan fasa set induksi. Berdasarkan kepada hasil perbincangan kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran, murid-murid dianjurkan untuk membaca doa terlebih dahulu. Perkara ini bertujuan untuk membina holistik murid-murid sebelum menerima ilmu akademik. Merujuk kepada perkara ini, amalan membaca doa berkebolehan tinggi untuk membentuk peribadi murid-murid dengan baik dan bersedia untuk belajar.

Chung, Leng dan Peng (2017) menjalankan kajian yang bertajuk Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan Dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif. Hasil dapatan membuktikan bahawa guru-guru bahasa Melayu yang menjadi sampel kajian berupaya untuk mewujudkan pengajaran yang menekankan kemahiran berfikir dengan kritis. Di samping itu, aspek yang turut diambil kira adalah kemahiran berfikir secara kreatif di samping mewujudkan pembelajaran secara kolaboratif. Tambahan pula, kajian ini ada menyatakan bahawa terdapat seorang guru yang menjelaskan bahawa guru tersebut menggunakan pendekatan soal jawab tentang isu semasa yang ada kaitannya dengan pengalaman murid. Pendekatan yang digunakan oleh responden kajian ini amatlah ringkas dan mudah untuk dilaksanakan kerana tidak memerlukan masa yang panjang sesuai dengan prinsip set induksi iaitu tidak melebihi 5 minit. Secara amnya, kajian ini memperlihatkan potensi guru yang sangat baik semasa mengajar penulisan karangan kerana majoritinya mengambil berat tentang pengetahuan dan tahap pemahaman murid terhadap topik pengajaran.

Manakala Peng dan Ismail (2020) telah melaksanakan sebuah kajian yang menerangkan kepentingan menjaga motivasi murid dengan cara bermain semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hasil daripada kajian ini mendapati murid-murid cenderung untuk menumpukan perhatian bermula daripada fasa awal pembelajaran apabila guru menerapkan permainan dalam pengajaran. Hal ini sangat berkait rapat dengan rangsangan dan tindak balas semasa PdP iaitu aktiviti bermain sebagai rangsangan dan tindak balas boleh dikenal pasti melalui peningkatan tumpuan perhatian murid semasa PdP.

2.2 Kajian Teori Behaviorisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Terdapat banyak jenis teori yang biasanya dibincangkan dalam dunia pendidikan bahasa. Antara yang paling umum ialah teori behaviorisme yang sering kali dikaitkan dengan penekanan terhadap perubahan tingkah laku yang dipengaruhi oleh rangsangan dan respon. Perkara ini boleh dilihat melalui kata dasar *behavior* yang secara amnya membawa maksud kelakuan (Zamzani, 2018). Menurut Asfar, Asfar dan Halamury (2019), proses pembelajaran merupakan proses interaksi yang melibatkan stimulus dan respon atau boleh difahami juga sebagai rangsangan dan gerak balas. Maka dengan penerangan tersebut, kita boleh fahami bahawa teori ini membincangkan perubahan tingkah laku selepas proses pembelajaran berlaku kepada para pelajar.

Kajian Sokip (2019) bertajuk "Kontribusi" Teori Behavioristik dalam pembelajaran memperlihatkan kaedah mengaplikasikan teori behaviorisme semasa pembelajaran penulisan karangan. Hasil kajian mendapati penerapan pendekatan behavioristik tidak hanya berlaku pada akademik murid, namun turut mempengaruhi sikap peribadi mereka. Hal ini menunjukkan bahawa hasil kajian mempamerkan murid berupaya untuk bersikap yakin pada diri sendiri selepas adanya peneguhan positif semasa guru mengajar. Peneguhan positif yang berlaku adalah berbentuk ekstrinsik iaitu motivasi daripada guru kepada murid ketika aktiviti pembelajaran berlangsung. Merujuk kepada hasil kajian ini, peneguhan positif yang berlaku dari fasa set induksi sehingga fasa penutup akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan tingkah laku murid dalam pembelajaran mereka. Secara ringkasnya, kajian ini merupakan salah satu kajian yang sangat berguna kerana membantu pengkaji lain untuk menyokong bahawa pendekatan behavioristik dalam pengajaran sangat membantu mengenal pasti tahap perubahan tingkah laku murid di dalam kelas.


Majid dan Suyadi (2020) telah melaksanakan kajian yang bertajuk Penerapan Teori Behavioristik Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI). Hasil kajian mendapati berlaku perubahan perilaku murid-murid apabila guru menggunakan teori behavioristik dalam pengajarannya. Menurut salah seorang sampel kajian iaitu Fatur Rahim menyatakan terdapat beberapa perubahan ketara yang dapat dikenal pasti apabila guru menekankan kepada teori behavioristik dalam pengajaran. Pertama sekali ialah motivasi untuk belajar dalam kalangan murid. Salah satu sampel kajian pengkaji menyatakan bahawa semasa waktu pembelajaran bermula, murid-murid tidak lagi berkeliaran di sekitar sekolah kerana masing-masing sudah memasuki kelas. Perubahan seterusnya adalah daya ingatan yang kuat iaitu murid mampu menjawab persoalan guru mengenai topik pembelajaran yang lalu. Akhir sekali ialah toleransi yang sangat baik antara murid muslim dan bukan muslim semasa belajar bersama. Di samping itu, dapatan turut membuktikan teori behavioristik bukan sahaja melibatkan rangsangan dan respon tetapi memerlukan strategi yang padu untuk melaksanakannya dalam pengajaran. Secara amnya, hasil kajian menunjukkan perubahan tingkah laku murid berlaku apabila adanya rangsangan yang sesuai diberikan sehinggalah murid mampu menunjukkan perubahan perilaku yang lebih baik. Namun begitu, merujuk kepada pengamatan pengkaji terhadap kajian ini ialah hasil dapatan boleh diramal kerana teori ini bukan pertama kali digunakan untuk sesi pengajaran tetapi hanya digunakan pada sampel yang berbeza.

Berdasarkan kepada hasil penelitian, masih terdapat kekurangan kajian yang menyentuh aspek tinjauan kreativiti mahasiswa terhadap pelaksanaan set induksi dalam pengajaran murid sekolah menengah yang mengkhususkan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu selain kajian lalu lebih memfokuskan kepada keseluruhan fasa pengajaran dan

pembelajaran. Maka disebabkan oleh permasalahan inilah, pengkaji menjalankan kajian ini supaya boleh menjadi panduan kepada mahasiswa-mahasiswa bakal guru untuk memulakan pengajaran dengan lebih baik.

3. Kerangka Kajian

Rajah 1 ini menunjukkan kerangka kajian yang dibina dengan menggabungkan teori behaviorisme yang melibatkan rangsangan dan tindak balas terhadap sesuatu situasi. Pengkaji mengaitkan rangsangan sebagai pelaksanaan set induksi, manakala tindak balas sebagai respon daripada murid-murid. Hal ini bermakna, induksi yang kreatif mampu membina rangsangan atau tindak balas yang positif daripada murid. Oleh itu, kajian ini dijalankan berlandaskan kerangka yang dibina agar dapat mengisi kelompangan kajian lalu dan menjawab objektif kajian. Fokus utama kajian ini adalah tinjauan terhadap pengetahuan mahasiswa tentang set induksi. Seterusnya, faktor yang diambil kira sebelum pelaksanaan set induksi. Akhir sekali kesan yang diperolehi daripada pelaksanaan set induksi tersebut semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.



Rajah 1. Kerangka Kajian

4. Metodologi Kajian

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk gabungan (mixed method) iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kuantitatif adalah satu proses penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data berupa angka untuk dianalisis mengikut fokus kajian. Pengkaji telah memilih kajian kuantitatif deskriptif yang akan mengumpulkan maklumat mengenai demografi responden kajian, tahap pengetahuan set induksi dalam kalangan responden dan faktor yang diambil oleh responden untuk menjalankan set induksi pilihan mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji memilih untuk menggunakan borang soal selidik.

Manakala, kualitatif adalah sebuah penyelidikan yang menggunakan data seperti data pemerhatian peserta, temu bual dan analisis data dokumen untuk memberikan pemahaman dan penjelasan kepada gejala sosial (Azmi & Nasution 2018). Kajian ini menggunakan analisis video iaitu video pengajaran sampel kajian untuk melengkapkan data dan maklumat yang dikaji oleh pengkaji. Kaedah analisis video pengajaran digunakan bagi membantu pengkaji untuk mengenal pasti apakah jenis set induksi yang digunakan oleh guru pelatih dan dalam masa yang sama video ini menjadi bukti bahawa guru pelatih benar-benar melaksanakan set induksi tersebut. Video pengajaran yang akan dianalisis ini diberikan secara sukarela oleh sampel kajian dan tidak akan didedahkan kepada orang lain.

4.2 Lokasi Kajian

Pengkaji menjalankan kajian di kawasan Tanjung Malim, Perak iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengkaji memilih lokasi ini atas keperluan pengkaji untuk meninjau tahap kreativiti guru pelatih yang terdiri daripada pelajar universiti tersebut bagi pelaksanaan fasa memulakan pengajaran.

4.3 Sampel Kajian

Pengkaji memilih seramai 110 orang guru pelatih iaitu dalam kalangan pelajar universiti awam yang memberikan fokus kepada program pendidikan iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengkaji telah memilih sekumpulan pelajar yang sedang mengambil kursus pengajian Pendidikan Bahasa Melayu sesuai dengan fokus kajian.

4.4 Kaedah Pengumpulan Data

Prosedur menganalisis data bermula dengan mengedarkan borang soal selidik dengan menggunakan kaedah atas talian bagi memudahkan proses ini berlaku. Responden perlu menjawab soal selidik mengikut turutan yang terbahagi kepada bahagian A iaitu demografi responden, bahagian B iaitu tinjauan pengetahuan mahasiswa terhadap pelaksanaan set induksi yang kreatif dalam pengajaran Bahasa Melayu dan bahagian C untuk mengenal pasti faktor yang diambil kira oleh mahasiswa terhadap pelaksanaan set induksi yang kreatif dalam pengajaran Bahasa Melayu. Responden juga dijelaskan bahawa maklumat mengenai diri mereka tidak didedahkan kepada orang lain.

Responden juga dijelaskan bahawa maklumat mengenai diri mereka tidak didedahkan kepada orang lain. Prosedur penganalisan data bahagian C disusuli dengan analisis video pengajaran mahasiswa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengkaji memilih 9 video pengajaran daripada 7 responden yang merangkumi pengajaran karangan, tatabahasa dan KOMSAS. Setiap responden dan video diberikan kod nama iaitu R merujuk kepada responden manakala V merujuk kepada video pengajaran. Sebagai contoh, R1 dirujuk sebagai responden 1 dan V1 dirujuk sebagai video 1.

4.5 Instrumen Kajian

Kajian ini telah memberikan fokus kepada dua jenis instrumen iaitu borang soal selidik untuk membantu mendapatkan data. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik iaitu sebuah bentuk kajian yang paling mudah dan selalu digunakan. Namun demikian, perlu diingat bahawa segala jawapan soal selidik yang merangkumi maklumat responden haruslah dirahsiakan. Hal ini dilakukan agar dapat memberikan jaminan kepada responden untuk menjawab soalan tanpa ragu-ragu jika maklumat mereka didedahkan kepada orang lain. Soalan yang diajukan dalam soal selidik haruslah berupa soalan tertutup bagi memudahkan proses menganalisis oleh pengkaji, manakala responden pula mudah untuk menjawab soalan tersebut. Pengkaji yang bertanggungjawab dalam menyediakan borang soal selidik. Berdasarkan kepada penyediaan borang, pengkaji memasukkan beberapa soalan dan dibahagikan kepada bahagian A iaitu demografi responden, bahagian B untuk meninjau kreativiti mahasiswa terhadap pemilihan set induksi dalam pengajaran Bahasa Melayu, bahagian C untuk mengenal pasti faktor yang diambil kira oleh mahasiswa semasa melaksanakan set induksi dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Analisis video yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah bertujuan sebagai rujukan kepada pengumpulan data mengenai kemahiran set induksi. Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah analisis video bagi membantu untuk menganalisis pelaksanaan kemahiran set induksi yang dilakukan oleh responden. Selain itu, pengkaji juga ingin meneliti reaksi murid-murid semasa set induksi dilaksanakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

4.6 Kebolehpercayaan Kajian

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Oleh itu, kajian telah mengedarkan borang-borang soal selidik yang telah disediakan kepada 110 orang mahasiswa yang mengambil kursus bahasa Melayu, UPSI. Tindakan ini bertujuan untuk mendapatkan kepastian sama ada soalan yang dibina baik atau perlu ditambah baik pada mana-mana bahagian. Setelah mendapatkan respons, borang-borang tersebut dikumpulkan untuk tujuan analisa. Pengumpulan data semasa proses penelitian tinjauan merupakan antara langkah penting untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan selaras dengan fokus kajian (Pranatawijaya et al., 2019).

Skala ini diilhamkan oleh Skala Guttman untuk mengukur pengetahuan responden terhadap set induksi dan faktor yang dititkberatkan sebelum melaksanakan set induksi. Apabila diinginkan jawapan yang tegas, seperti ya atau tidak, pernah atau tidak pernah, positif atau negatif, dan lain-lain maka Skala Guttman merupakan instrumen yang dapat kita gunakan. Data yang diperoleh dengan penggunaan skala ini adalah data interval atau rasio dikotomi (dua alternatif) sehingga akan didapatkan dua interval (Yulianto, 2020). Skala Guttman digunakan untuk mendapatkan jawapan yang tegas antara setuju atau tidak setuju kepada soalan yang disediakan. Pada Bahagian A dan Bahagian B terdiri daripada tiga pilihan jawapan iaitu Tidak Baik, Sederhana dan Sangat Baik. Seterusnya, segala data responden dianalisis secara deskriptif untuk menerangkan jumlah kekerapan dan peratusan. Oleh yang demikian, kajian tertumpu kepada tinjauan persepsi, maka kaedah deskriptif amat sesuai digunakan untuk mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi

5. Dapatan dan Rumusan

Set induksi merujuk kepada fasa awal pengajaran yang dianggap penting. Hal ini demikian, fasa awal pengajaran boleh menjadi faktor pemangkin semangat guru untuk menjalankan pengajarannya. Bukan itu sahaja, ia juga berupaya untuk membangkitkan semangat belajar dalam kalangan murid-murid kerana tarikan yang dipersembahkan oleh guru pada awal waktu pembelajaran mereka. Namun demikian, untuk melaksanakan set induksi memerlukan tahap pengetahuan dalam kalangan guru. Oleh itu, pendedahan awal tentangnya perlulah dilaksanakan terutamanya dalam kalangan bakal guru.

5.1 Analisis Tahap Pengetahuan Mahasiswa terhadap Pemilihan Set Induksi dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Tahap pengetahuan yang dimaksudkan adalah berdasarkan kepada pengetahuan asas yang dimiliki oleh mahasiswa dan kebolehan mereka untuk melaksanakannya di dalam kelas. Jadual 1 memaparkan hasil tinjauan terhadap tahap pengetahuan mahasiswa terhadap pelaksanaan set induksi yang kreatif.

Jadual 1: Tinjauan Pengetahuan Tentang Set Induksi

Bil	Tinjauan Kreativiti Mahasiswa Terhadap Pemilihan Set Induksi	Kekerapan dan Peratusan		
		Kurang Baik	Sederhana	Sangat Baik
B1	Saya mengetahui apakah itu set induksi	-	3 (2.7%)	107 (97.3%)
B2	Saya mempunyai pengetahuan tentang kesemua jenis set induksi	4 (3.6%)	24 (21.8%)	82 (74.54%)
B3	Saya mengetahui bahawa set induksi itu penting dalam pengajaran	- -	-	110 (100%)
B4	Saya mengetahui bahawa set induksi sebaiknya dilaksanakan B dengan ringkas iaitu kurang daripada 5 minit	-	1 (1.8%)	109 (99.1%)
B5	Saya mengetahui bahawa set induksi sebaiknya dilaksanakan dengan lebih lama iaitu lebih daripada 5 minit	76 (69.10%)	16 (14.5%)	18 (16.4%)
B6	Saya yakin bahawa terdapat banyak kelebihan yang diperoleh apabila set induksi dilaksanakan	-	2 (1.8%)	108 (98.2%)
B7	Saya yakin bahawa terdapat banyak keburukan yang diperoleh apabila set induksi dilaksanakan	92 (83.6%)	4 (3.6%)	14 (12.7%)
B8	Saya mengetahui cara melaksanakan set induksi	2 (1.8%)	9 (8.2%)	99 (90%)
B9	Saya mengetahui cara untuk mereka cipta set Induksi	6 (5.4%)	45 (40.9%)	59 (53.6%)
B10	Saya mengetahui cara untuk membuat inovasi mengikut kesesuaian topik	4 (3.6%)	24 (21.8%)	82 (74.54%)
B11	Saya mengetahui apa jenis set induksi yang sesuai bagi pengajaran tatabahasa	1 (0.9%)	24 (21.8%)	85 (77.30%)
B12	Saya mengetahui apa jenis set induksi yang sesuai bagi pengajaran karangan	1 (0.9%)	25 (22.7%)	84 (76.40%)
B13	Saya mengetahui apa jenis set induksi yang sesuai bagi pengajaran KOMSAS	-	18 (16.4%)	92 (83.40%)
B14	Saya lebih suka menggunakan bahan bantu mengajar sebagai set induksi	1 (0.9%) -	25 (22.7%)	84 (76.40%)
B15	Saya lebih selesa bertanyakan pengalaman murid sebagai set induksi dalam pengajaran bahasa Melayu dan mengaitkannya dengan	1 (0.9%)	19 (17.3%)	90 (81.8%)

Tinjauan tahap pengetahuan responden terhadap pemilihan set induksi mendapati majoriti responden mencapai tahap pengetahuan tertinggi terutamanya pada soalan ketiga iaitu “Saya mengetahui bahawa set induksi itu penting dalam pengajaran” mencatatkan peratusan 100%. Hasil jawapan ini mempamerkan pengetahuan responden terhadap kepentingan set induksi dalam pengajaran. Selain itu, pengkaji turut meletakkan soalan tinjauan “Saya yakin bahawa terdapat banyak keburukan yang diperolehi apabila set induksi dilaksanakan”. Hasil daripada tinjauan mendapati seramai 14 orang responden menjawab *sangat baik*. Hal ini merumuskan bahawa mereka bersetuju bahawa set induksi memberikan kesan yang negatif terhadap pengajaran. Namun demikian, pengkaji mengajukan persoalan penyebab responden terlibat menyatakan jawapan mereka sedemikian. Antara respon yang diperolehi adalah set induksi hanya akan memakan masa yang lama sekiranya terlalu diberikan perhatian dan set induksi bukanlah fasa terpenting dalam pengajaran.

Pengkaji merumuskan bahawa 14 responden yang terlibat tidak gemar melaksanakan set induksi kerana ia dianggap sebagai fasa kurang penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Aspek lain yang turut ditanya dalam borang soal selidik adalah tentang pemilihan set induksi sesuai mengikut keperluan subjek karangan, tatabahasa mahupun KOMSAS. Di samping itu, objektif ini juga meninjau pengetahuan responden terhadap kelebihan dan keburukan pelaksanaan set induksi. Akhir sekali, perkara ini turut membantu tinjauan terhadap tahap pengetahuan responden tentang kreativiti pelaksanaan set induksi secara umum.

Ringkasnya, tinjauan ini telah berjaya mengenal pasti jumlah responden iaitu mahasiswa UPSI daripada program Bahasa Melayu yang mempunyai pengetahuan terhadap set induksi pengajaran bahasa Melayu. Berdasarkan kepada hasil tinjauan, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan mahasiswa Bahasa Melayu UPSI yang menjadi sampel kajian mempunyai pengetahuan yang sangat memberangsangkan tentang set induksi.

5.2 Analisis Faktor Mahasiswa Melaksanakan Set Induksi Dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Tinjauan seterusnya dalam kajian ini (Jadual 2) mengandungi lima soalan merangkumi beberapa faktor yang diambil kira oleh mahasiswa semasa melaksanakan set induksi kreatif dalam pengajaran Bahasa Melayu. Faktor pertama ialah kesesuaian yang merujuk kepada kesesuaian umur dan tiada diskriminasi jantina bagi penggunaannya. Kedua, faktor keunikan iaitu mampu menarik perhatian murid semasa melaksanakan set induksi berdasarkan topik Bahasa Melayu yang hendak diajar. Seterusnya, faktor keaslian yang merujuk kepada set induksi yang boleh diubah suai atau direka cipta sendiri mengikut kreativiti semasa pengajaran Bahasa Melayu. Faktor berikutnya iaitu fleksibiliti yang merujuk kepada kebolehan dikaitkan dengan pengajaran. Akhir sekali iaitu faktor kewajaran yang merujuk kepada aspek mudahnya untuk disediakan dan tidak rumit untuk diguna pakai.

Jadual 2: Tinjauan Faktor yang diambil Kira oleh Mahasiswa semasa Melaksanakan Set Induksi Kreatif

Bil	Tinjauan Faktor yang Diambil Kira oleh Mahasiswa semasa Melaksanakan Set Induksi Kreatif	Kekerapan dan Peratusan		
		Kurang Setuju	Tidak Pasti	Setuju
F1	Kesesuaian	-	8 (7.3%)	102 (92.7%)
F2	Keunikan	1 (0.9%)	2 (1.8%)	107 (97.30%)
F3	Keaslian	1 (0.9%)	19 (24.5%)	90 (81.81%)
F4	Fleksibiliti	-	2 (1.8%)	108 (98.18%)
F5	Kewajaran	1 (0.9%)	3 (2.7%)	106 (96.36%)

Tuntasnya, hasil tinjauan ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa lima faktor yang dicatatkan iaitu kesesuaian, keunikan, keaslian, fleksibiliti dan kewajaran merupakan faktor yang penting untuk diambil kira bagi melaksanakan fasa awal pengajaran yang lebih baik. Ekoran daripada hal ini, set induksi yang kreatif dengan mudahnya dapat dicipta dan dilaksanakan di dalam pengajaran bahasa Melayu. Berdasarkan kepada faktor pertama iaitu kesesuaian telah menunjukkan 102 responden bersetuju bahawa set induksi harus dibina berdasarkan faktor kesesuaian. Jumlah ini merangkumi sebanyak 92.7% daripada jumlah keseluruhan mahasiswa. Seterusnya iaitu faktor keunikan pula memaparkan seramai 107 responden bersamaan dengan 97.30% daripada jumlah keseluruhan mahasiswa yang menjadi sampel kajian sangat setuju dengan kenyataan faktor keunikan sebagai penyebab utama set induksi kreatif dilaksanakan. Manakala faktor keaslian mencatatkan seramai 90 responden iaitu 81.81% daripada mereka bersetuju bahawa kedua-dua faktor ini penting untuk dititikberatkan semasa melaksanakan set induksi kreatif. Seterusnya iaitu fleksibiliti menunjukkan seramai 108 responden (98.18%) bersetuju bahawa faktor ini perlu diambil kira semasa melakukan set induksi kreatif. Akhir sekali iaitu aspek kewajaran mencatatkan sebanyak 96.36% mewakili jumlah seramai 106 responden.

Merujuk kepada hal ini, pengkaji berpendapat bahawa mahasiswa sangat menitik beratkan beberapa faktor dalam melaksanakan set induksi walaupun fasa tersebut berlangsung kurang daripada lima minit. Tambahan pula, perkara ini memperlihatkan ketelitian mahasiswa dalam menjalankan pengajaran bermula pada fasa awal.

5.3 Analisis Kesan Pelaksanaan Set Induksi Yang Kreatif Semasa Mahasiswa Mengajar Bahasa Melayu

Jadual 3 pula merupakan rumusan tentang objektif ketiga dalam kajian yang merangkumi kesan pelaksanaan set induksi yang kreatif.

Jadual 3: Kesan Pelaksanaan Set Induksi

Bil	Tinjauan kesan pelaksanaan set induksi yang kreatif	Kekerapan dan Peratusan		
		Kurang Baik	Sederhana	Baik
F1	Set induksi menarik perhatian	-	1 (0.9%)	109 (99.10%)
F2	Set induksi mendapat respon yang baik	-	3 (2.7%)	107 (97.30%)
F3	Hasil pelaksanaan set induksi memuaskan	-	5 (4.5%)	105 (95.45%)
F4	Set induksi mempengaruhi fokus murid	1 (0.9%)	7 (6.4%)	102 (92.72%)
F5	Respon murid meningkatkan keyakinan diri responden	-	3 (2.7%)	107 (97.30%)

Berdasarkan kepada hasil tinjauan kesan pelaksanaan set induksi yang kreatif mendapati 99.10% responden berjaya menarik perhatian murid dalam kelas mereka. Selain itu, sebanyak 97.30% responden yang merangkumi 107 orang responden telah mendapat respon yang baik semasa mengendalikan set induksi yang kreatif. Perkara ini menunjukkan bahawa set induksi responden sememangnya kreatif. Hal ini boleh dirujuk pada bahagian penerangan analisis jenis set induksi responden berdasarkan video pengajaran sebagai bukti kepelbagaian set induksi kreatif yang dilaksanakan oleh sampel kajian. Seterusnya, seramai 105 orang responden bersamaan 95.45% daripada jumlah keseluruhan responden mempunyai pengalaman yang baik terhadap kesan hasil pelaksanaan set induksi yang memuaskan. Di samping itu, 92.72% daripada sampel kajian menyatakan bahawa responden berjaya mempengaruhi fokus murid semasa melaksanakan set induksi. Akhir sekali, seramai 107 orang responden pula mempunyai pengalaman yang sangat baik semasa melaksanakan set induksi kreatif kerana respon daripada murid meningkatkan keyakinan diri mereka. Jumlah tersebut merangkumi 97.30% daripada jumlah keseluruhan.

Secara ringkasnya, pengkaji mendapati set induksi yang kreatif mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan perhatian dan respon baik daripada murid terhadap pengajaran seorang guru. Dalam masa yang sama, kesan positif yang diterima daripada murid akan mempengaruhi keyakinan diri seorang guru.

6. Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan dapatan yang positif daripada responden terhadap pengetahuan set induksi dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini turut memberikan reaksi yang baik terhadap penguasaan pelaksanaan set induksi dalam kalangan mahasiswa yang bakal menjadi pendidik pada masa akan datang. Pengkaji merumuskan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak pembaca supaya mempunyai tanggapan yang baik terhadap mahasiswa yang bakal menjadi seorang guru kelak. Namun demikian, pengkaji tidak meletakkan kajian ini sebagai kayu ukur utama kepada pihak di luar sana untuk memahami tahap pengetahuan set induksi dalam kalangan guru bahasa Melayu. Hal ini demikian, banyak lagi kajian yang lebih memberikan keutamaan kepada isu-isu pedagogi semasa.

Kerjaya guru merupakan antara kerjaya yang memerlukan kesabaran tahap tertinggi kerana perlu berhadapan dengan banyak dugaan serta cabaran bukan sahaja dalam bilik darjah tetapi turut merangkumi bidang tugas guru. Oleh itu, pelbagai cara harus difikirkan untuk menangani cabaran-cabaran tersebut. Salah satunya adalah mempersiapkan diri sebelum memulakan pengajaran. Sebagai contoh, mengenal pasti faktor yang menjadi keutamaan dalam melaksanakan pengajaran. Sama seperti fokus kajian ini iaitu tentang fasa set induksi. Walaupun set induksi merupakan fasa terawal dalam sesi pengajaran, tetapi ia memberikan pengaruh yang besar terhadap “mood” guru dan para murid dalam kelas. Namun demikian, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan beberapa faktor yang menjadi penanda aras bagi menjalankan set induksi yang berkesan. Pengkaji meletakkan harapan agar kajian ini sedikit sebanyak mampu untuk memberikan bayangan kepada pihak pembaca untuk mengetahui beberapa faktor yang perlu diambil kira sebelum melaksanakan set induksi.

Set induksi sememangnya memainkan peranan penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian, kerana berdasarkan pelaksanaan set induksi yang mantap akan menimbulkan kesan yang mendalam kepada diri guru sendiri dan murid-murid. Perkara ini dikaitkan dengan teori behaviorisme kerana pengajaran guru yang baik akan menimbulkan tanggapan dalam diri murid-murid. Ekoran daripada cetusan tanggapan tersebut, maka murid-murid akan mewujudkan sebuah perasaan sama ada mereka menyukai cara guru tersebut mengajar atau sebaliknya. Oleh itu, pengkaji mengharapkan agar kajian ini berupaya untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan individu yang bakal menjadi guru untuk tidak menghiraukan kepentingan set induksi dalam sesi pengajarannya.

7. Kesimpulan

Secara konklusinya, tinjauan ini memaparkan berlaku tindak balas yang baik terhadap pelaksanaan set induksi responden semasa pengajaran mereka. Tindak balas ini dipengaruhi oleh faktor rangsangan yang diberikan oleh responden sebagai guru dengan menjalankan fasa awal pengajaran menggunakan set induksi yang menarik. Hasilnya bukan sahaja

menunjukkan murid memberikan respon yang baik, malahan hal ini juga mempengaruhi fokus murid semasa belajar. Selain itu, hasil tindak balas telah menjana peningkatan keyakinan diri responden untuk meneruskan pengajaran serta melaksanakannya lagi pada masa akan datang. Hasil analisis ini telah membuktikan pelaksanaan set induksi yang kreatif mampu mempengaruhi tingkah laku murid terhadap guru dan pengajaran yang dijalankan. Di samping itu, hasil tinjauan turut mendapati responden kajian sangat menitik beratkan beberapa perkara semasa melaksanakan set induksi seperti kesesuaian, keunikan, keaslian, fleksibiliti dan kewajaran. Buktinya, senarai set induksi yang telah diuraikan adalah hasil daripada sikap teliti responden yang mengambil kira faktor-faktor tersebut. Akhir sekali, pelaksanaan set induksi kreatif bukan sahaja mempengaruhi perubahan positif dalam kalangan murid-murid tetapi turut mempengaruhi diri seorang guru yang melaksanakannya.

Penghargaan

Para penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jurnal Asian Pendidikan yang memberi peluang kepada para penulis untuk menerbitkan penulisan dan mengakses maklumat berkaitan penulisan ini.

Rujukan

- Asfar, I., Asfar, I., & Halamury, M. (2019). Thoery of Behaviorism. Program Doktorat Ilmu Pendidikan Universitas Negeri Makasar. Doi: https://www.researchgate.net/profile/Amirfan-Asfar/publication/331233871_TEORI_BEHAVIORISME_Theory_of_Behaviorism/links/5c6da922a6fdcc404ec18291/TEORI-BEHAVIORISME-Theory-of-Behaviorism.pdf
- Azmi, Z., & Nasution, A. A. (2018). Memahami Penelitian Kualitatif Dalam Akuntansi. Akuntabilitas, 11(1), 159-168. Doi: <https://doi.org/10.15408/akt.v11i1.6338>.
- Atira, N. I., & Wahid, A. (2018). Percampuran struktur Model Intergratif dalam pengajaran cerpen dan novel (Mixing Intergrative Model Structure in Short Stories and Novel Teaching) Jurnal Peradaban Melayu, 13. Doi: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol13.7.2018>.
- Chung, L. L., Leng, C. H., & Peng, C. F. (2017). Amalan pengajaran guru bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 4(1), 1-12. Doi : <https://jupidi.um.edu.my/article/view/8449/5876>
- Ishak, H., Tamuri, A. H., Abd Majid, R., & Bari, S. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas masalah pendengaran. Journal of Islamic and Arabic Education, 4(2), 11-24. Doi : <http://journalarticle.ukm.my/5991/1/44.pdf>.
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 3(2), 49-63. Diperolehi daripada <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/66>.
- Kilue, D., & Ariffin, M. T. (2017). Cabaran Pengajaran Subjek Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah di Malaysia [Challenges in the Teaching of Physical Education Subject in Malaysian Secondary Schools]. Journal of Nusantara Studies (JONUS), 2(2), 53-65. Doi: <https://journal.uniswa.edu.my/jonus/index.php/jonus/article/view/185>.
- Majid, M. F., & Suyadi. (2020). Penerapan teori belajar behavioristik dalam pembelajaran pendidikan agama islam di Nogopuro Yogyakarta. Jurnal PAI Raden Fatah, 2(2), 148-155. Doi: <https://doi.org/10.19109/pairf.v2i2.4443>.
- Mardhiyana, D., & Sejati, E. (2016). Mengembangkan kemampuan berpikir kreatif dan rasa ingin tahu melalui model pembelajaran berbasis masalah. PRISMA, Prosiding Seminar Nasional Matematika, (1)672-688.
- Peng, C. F., & Ismail, M. F. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 9(1), 14-25.
- Pranatawijaya, V. H., Widiatry, Priskila, R., Putra, P. B. A. A. (2019) Pengembangan Aplikasi Kuesioner Survey Berbasis Web Menggunakan Skala Likert dan Guttman. Jurnal Sains dan Informatika. Vol.5 No.2 (2019). Diperolehi daripada: <https://jsi.politala.ac.id/index.php/JSI/article/view/185>.
- Rosli, Q., & Mohd Noor, A. Y. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul cUlūm Ihyā'cUlūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar (Teaching and Learning Hadith at Darul cUlūm

Ihyā' cUlūmuddīn Alor Setar Kedah: Effectiveness, Methodology and Perception of Students). *Akademika*, 87(3).
Doi: <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/16351/7331>

Sokip, S. (2019). Kontribusi Teori Behavioristik Dalam Pembelajaran. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam*, 7(1), 175-190.
doi: 10.21274/taalum.2019.7.1.175-190.

Sukri, A., & Purwanti, E. (2016). Meningkatkan hasil belajar siswa melalui Brain Gym. *Jurnal Edukasi Matematika dan Sains*, (1) Halaman 1.

Syawalnudin, A. (2018). Reward and punishment in the perspective of behaviorism learning theory and its implementation in elementary school. In *Social, Humanities, and Educational Studies (SHEs): Conference Series*, (1) Halaman (1) Doi: <https://doi.org/10.20961/shes.v1i1.23614>.

Yulianto, A. (2020). Pengujian Psikometri Skala Guttman untuk Mengukur Perilaku Seksual pada Remaja berpacaran. *Jurnal Psikologi:Media Ilmiah Psikologi*. Lembaga Penerbitan Universitas Esa Unggul. Vol 18, No. 01(2020).
Doi : <https://jpsikologi.esaunggul.ac.id/index.php/JPSI/article/view/80/59>.

Zamzani, M. R. (2018). Penerapan Reward and Punishment dalam teori belajar behaviorisme. *Talimuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 4(1), 1-20. Doi: <http://dx.doi.org/10.32478/ta.v4i1.111>.